



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JR/14/2024

Tajuk Sebut Harga :

KERJA-KERJA HIASAN PENCAHAYAAN YANG MERANGKUMI MEREKA BENTUK, MEMASANG, MENYELENGGARA DAN MEMBUKA SEMULA LAMPU DEKORASI SEMPENA SAMBUTAN BULAN RAMADHAN DAN SYAWAL 2024 DI SELURUH PUTRAJAYA UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G2, Kategori E - Pengkhususan E11 (Kerja Am Elektrik)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **05 Februari 2024**, jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **05 Februari 2024** hingga **07 Februari 2024** dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM dan SPKK**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **13 Februari 2024**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)

**NAIB PRESIDEN
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya**